

Global



Demi mempertahankan negara

TENTERA Ukraine mengalakan senjatanya ke arah kedudukan tentera Rusia di luar bandar Brovary, Kyiv.



TENTERA RUSIA MARA KE KYIV

Kereta kebal melepaskan tembakan untuk menakutkan penduduk setempat

Volodymyr, seorang penduduk Velyka Dymarka, kira-kira 15 kilometer dari Brovary.

Pertempuran semakin sengit di kawasan itu, dengan tentera Ukraine berdepan kereta kebal Rusia, penduduk tempatan dan sukarelawan tentera Ukraine memberitahu AFP.

Amerika Syarikat (AS) pada Rabu berkata, ia memindahkan dua unit antipesawat dari Jerman ke negara jiran Ukraine, Poland, kata

seorang pegawai Pentagon.

Presiden Ukraine Volodymyr Zelensky sebelum ini menggesa kuasa Barat untuk memutuskan tawaran Poland membekalkan negaranya dengan jet pejuang, selepas Washington menolak rancangan awal itu.

"Kami meminta anda sekali lagi membuat keputusan secepat mungkin. Hantar kapal terbang kepada kami," katanya.

Krisis Rusia-Ukraine sudah menyebabkan kira-kira

2.2 juta pelarian merentasi sempadan Ukraine dalam apa yang disebut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai krisis pelarian yang paling pesat berkembang di Eropah sejak Perang Dunia Kedua dan ia memutuskan kebimbangan konflik yang lebih meluas.

Kebimbangan semakin meningkat bahawa Rusia akan mengepung Kyiv.

Moscow berikrar untuk menghormati gencatan senjata selama 12 jam bermula 9 pagi bagi membolehkan orang awam melarikan diri dari enam kawasan yang dilanda pertempuran teruk, kata Timbalan Perdana Menteri Ukraine, Iryna Vereshchuk.

Satu laluan juga dipersejutui di bandar pelabuhan Mariupol, di mana beberapa pemindahan sebelum ini gagal, menyebabkan beribu-ribu orang tidak mempunyai bekalan air atau elektrik, sejak Jumaat.

Pada Selasa, sekurang-kurangnya 10 orang terbunuh dalam serangan tentera Rusia ke atas rumah dan bangunan lain di bandar Severodonesk di timur Ukraine, kata seorang pegawai tempatan untuk wilayah Lugansk dalam satu kenyataan di Telegram. - AFP

Serangan udara musnahkan hospital

Kyiv: Serangan udara Rusia yang memusnahkan sebuah hospital kanak-kanak di pelabuhan Mariupol pada Rabu, mencetuskan kemarahan global dua minggu selepas pencerobohan Moscow ke atas Ukraine.

Ia berlaku ketika Datuk Bandar Mariupol berkata, lebih 1,200 orang awam terkorban dalam pengepungan selama sembilan hari oleh Rusia di pelabuhan selatan itu, manakala orang ramai terbiar tanpa bekalan elektrik atau air, dengan serangan bertubi-tubi.

Mengutuk serangan hospital sebagai 'jenayah perang', Presiden Ukraine Volodymyr Zelensky berkata, 'serangan terus tentera Rusia' menyebabkan kanak-kanak di bawah serpihan.

Seorang pegawai tempatan berkata serangan di hospital bersalin yang baru diubah suai, termasuk unit pediatrik, mencederakan sekurang-kurangnya

17 kakitangan walaupun tiada kematian dilaporkan.

Kementerian Luar Rusia yang menafikan serangan itu menuduh 'batalion nasionalis' Ukraine menggunakan hospital itu untuk menetapkan posisi menembak selepas memindahkan kakitangan dan pesakit.

Tetapi kecaman antarabangsa berterusan dengan Rumah Putih menyelar penggunaan kekerasan terhadap orang awam, manakala Perdana Menteri United Kingdom, Boris Johnson menyifatkan ia sebagai tindakan yang teruk.

Sementara itu, Jurucajak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkata, tiada kemudahan kesihatan 'seharusnya' menjadi sasaran.

Serangan berkenaan berlaku ketika ada wanita sedang bersalin, pentadbiran tentera wilayah di Donetsk memberitahu. - AFP